

Imigresen tahan 225 PATI di tempat proses petrokimia

Johor Bahru: Seramai 225 pendatang asing tanpa izin (PATI) ditahan dalam serbuan di tempat pemprosesan dan pembinaan struktur bahan petrokimia terbesar di negeri ini di Tanjung Langsat, Pasir Gudang.

Pengarah Imigresen Malaysia (Imigresen) Johor, Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus, berkata serbuan Ops Mahir, Selasa lalu, dilaksanakan sepasukan pegawai daripada Bahagian Penguat kuasa Negeri Johor dan Bangunan Sultan Iskandar (BSI).

Beliau berkata, ia adalah hasil risikan selepas menerima maklumat awam mengenai kewujudan lambakan warga asing yang bekerja tanpa permit atau pas yang sah di lokasi terbabit.

"Seramai 664 warga tempatan dan warga asing telah diperiksa. Tangkapan dibuat membabitkan 133 warganegara China, Bangladesh (84), Indonesia (dua), Pakistan (dua) dan Nepal (dua).

"Mereka yang ditahan berusia dalam lingkungan 21

tahun hingga 63 tahun. Kesemua mereka dipercayai telah bekerja di tapak terbabit sejak dua hingga tiga bulan lalu.

"Turut ditahan dalam serbuan adalah seorang lelaki dan seorang wanita warga tempatan yang juga Pengurus dan pegawai sumber manusia di tapak projek terbabit," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Mohd Rusdi berkata, kesemua mereka yang ditahan disiasat kerana melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(c) 1959/63 iaitu masuk dan tinggal di Malaysia tanpa pas atau permit yang sah.

Katanya, mereka juga dipercayai melanggar Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63, iaitu tinggal di Malaysia selepas pas atau permit tamat atau dibatalkan dan Peraturan 11(7)(a) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963, iaitu salah guna Pas Lawatan Sosial (PLS) serta Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 iaitu melanggar syarat pas yang ditetapkan.